



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
حياتنا خير احوالها اكملها اسلامها احسنها

**KHUTBAH JUMAAT
PERTAMA DAN KEDUA**

30 JAMADILAKHIR 1445H/ 12 JANUARI 2024M

PENYESALAN TAK SUDAH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 10/01/2024

PEGAWAI PENYEMAK: KAZAK BIN HAMDIN

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 10/01/2024

DIBACA PADA :

DILULUSKAN OLEH :

ADAM BIN ABDUL HAJ
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA
PENYESALAN TAK SUDAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ ﴿٩٩﴾ لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا
فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِن وَرَائِهِم بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ

يُبْعَثُونَ ﴿١٠٠﴾ - المؤمنون 99-100

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JAMAAH JUMAAT ,SAUDARAKU YANG DIKASIHI ALLAH
SWT.**

Khatib terlebih dahulu ingin berpesan kepada diri khatib sendiri dan tuan-tuan sekalian agar, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT , dengan mentaati segala titah perintah-Nya dan dalam masa yang sama kita wajib meninggalkan setiap larangan mahupun tegahan-Nya. Sesungguhnya kebahagiaan hidup sama ada di dunia mahupun di akhirat, hanyalah ditentukan oleh keimanan dan ketakwaan kita terhadap Allah Azza Wajalla. Khatib hari ini ingin menyampaikan khutbah yang bertajuk : **Penyesalan Tak Sudah**

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Firman Allah SWT di dalam surah Luqman, ayat 33 :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ وَأَخْشَوْا يَوْمًا لَا يَجْزِي وَالِدٌ عَن وَلَدِهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَازٍ عَن وَالِدِهِ شَيْئًا إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ
الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِاللَّهِ الْغُرُورُ ﴿٣٣﴾

Yang bermaksud : *Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu, dan takutilah akan hari (akhirat) yang padanya seseorang ibu atau bapa tidak dapat melepaskan anaknya dari azab dosanya, dan seorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing sedikit pun. Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, maka janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia, dan jangan pula kamu diperdayakan oleh bisikan dan ajakan Syaitan yang menyebabkan kamu berani melanggar perintah Allah(33)*

Pelbagai peristiwa atau musibah yang berlegar di sekeliling kita saat ini, seolah-olah menunjukkan bumi sedang melalui fasa menua. Satu demi satu tanda-tanda kecil kiamat telah diperlihatkan kepada kita. Suatu peringatan yang jelas tentang betapa hampirnya dunia menuju saat kehancurannya. Dunia semakin celaru dengan pelbagai fitnah dan keadaan kacau bilau yang tiada penghujungnya. Namun kita sebagai umat yang beriman dengan Hari Kiamat, perlu mengambil ini sebagai amaran dan peringatan penting agar mempersiapkan diri sebelum melalui dua alam pembalasan iaitu alam kubur (barzakh), serta alam akhirat yang padanya sudah tidak ada peluang untuk kembali beramal soleh.

Pernah suatu ketika Saidina Usman ibn Affan menangis sehingga basah janggutnya ketika berdiri di suatu tanah perkuburan lalu katanya :

“Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah bersabda : Kubur adalah awal kehidupan akhirat. Jika seseorang itu selamat daripadanya, maka kehidupan akhiratnya akan menjadi lebih mudah. Andai sebaliknya, yakni tidak selamat daripada siksaan kubur, maka alam akhiratnya tentu lebih mengerikan dengan penderitaan api neraka yang akan dirasainya”

(H.R Ahmad dan Tirmizi)

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Allah SWT juga berfirman di dalam surah as-Sajdah, ayat 12 **yang bermaksud** : *“ dan sungguh mengerikan sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina sambil merayu-rayu) wahai tuhan kami, sesungguhnya kami telah melihat dan mendengar dengan sejelass-jelasnyanya akan segala yang kamiingkari dahulu, maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami dapat mengerjakan amal-amal yang baik, sesungguhnya kami sekarang telah yakin “.*

Ketika kita berseronok menggumpul harta kemewahan dunia, maka jangan kita lupa kepada kematian yang semakin mendekat. Justeru kita disunatkan untuk menziarahi tanah perkuburan agar sedikit sebanyak timbul rasa keinsafan, tidak leka dan lalai terpana dengan fatamorgana dunia.

Khalifah Umar Abdul Aziz pernah berpesan kepada sahabat-sahabatnya, antara lain beliau berkata : *“ andai kamu melalui tanah perkuburan, panggillah ahli kubur jika engkau boleh memanggil mereka. Lihatlah betapa sempitnya rumah-rumah mereka. Tanyakan pula kepada orang-orang kaya (yang telah mati itu), masih tersisakah kekayaan mereka?. Tanyakan pula pada si miskin, adakah tersisa kemiskinan mereka juga?. Seterusnya tanyakan lagi tentang lidah-lidah yang petah berbicara, sepasang mata yang pernah melihat keindahan dunia. Tanyakan pula*

kepada mereka tentang kulit-kulit yang lembut dan wajah-wajah yang jelita dan tampan serta tubuh-tubuh yang halus dan sasa, apa yang dilakukan oleh ulat-ulat dibalik kain kapan mereka?. Sesungguhnya lidah itu telah hancur, wajah yang rupawan telah berkecai dirobek sang ulat, sementara anggota tubuh pula terpisah berserakan. Lalu dimana timbunan harta dan deretan pangkat mereka?. Di mana rumah dan gedung mereka yang banyak menongkat langit?, di mana perhiasan mewah dan kendaraan mahal mereka?. Bukankah mereka kini berada di tempat yang sangat sunyi,,, bukankankah siang dan malam bagi mereka tetap sama?. Mereka semua berada di dalam kegelapan , mereka telah terputus dengan amal mereka di dunia. Malah mereka telah berpisah dengan orang-orang yang mereka cintai.

Renungkanlah orang-orang yang telah mendahului kita. Mereka amat berharap untuk dapat kembali ke dunia, agar mereka kembali menghimpun amal sebanyak-banyaknya. Namun itu semua tidak mungkin terjadi , kerana mereka telahpun bersemadi dibawah tanah ini. Maka oleh sebab itu perbanyakkanlah bertaubat dan memohon kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat “.

Rasulullah SAW pernah bersabda **yang bermaksud** :

“Seandainya anak Adam mempunyai dua lembah harta, sudah tentu dia masih menginginkan lembah harta yang ketiga. Dan tidak memenuhi perut anak Adam ,hanyalah tanah-tanah kuburnya, dan ingatlah Allah tetap menerima taubat orang-orang yang ingin bertaubat” (H.R Bukhari dan Muslim).

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Menyedari bahawa kehidupan dunia saling berkait dengan kehidupan akhirat, maka khatib ingin menyimpulkan agar kita mempersiapkan bekalan sebelum menempuh kehidupan yang kekal abadi. Diantaranya:

Yang Pertama: Marilah kita pastikan setiap sistem kehidupan ,sama ada yang melibatkan ibadah khusus, ekonomi mahupun sosial bertepatan dengan kehendak Islam. Ingatlah, setiap nikmat yang diperolehi sama ada harta, takhta, anak pinak, kemewahan mahupun kesihatan kita semuanya akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Yang Kedua: Ingatlah hanya golongan yang bertakwa dalam setiap tindakan mereka sahaja yang bakal menikmati nikmat Syurga di akhirat kelak. Ketika kita melihat pelbagai bala bencana yang berlaku sama ada kerosakan akhlak dan jenayah yang terus meningkat, maka punca utamanya adalah akibat kefahaman dan penghayatan semakin terhakis sehingga dosa dan pahala dijadikan mainan, hidup atau mati dianggap lumrah kebiasaan, malahan yang lebih parah ada yang beranggapan syurga dan neraka itu sekadar benda khayalan. Manakala;

Yang Ketiga : Akibat daripada jahilnya kita tentang ilmu agama Islam yang syumul, sehingga ada kelas-kelas pengajian agama yang diremehkan. Apabila situasi ini sudah tidak terkawal, maka terbitlah satu demi satu hilangnya sifat kemanusiaan, yang akhirnya berlaku kepincangan dan keruntuhan moral.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Yakinlah kita bahawa jahiliyah akan membawa kita kepada kehinaan dan penderitaan sama ada di dunia mahupun di akhirat sekalipun kita diberi pangkat dan kekayaan. Hanya Islamlah yang akan menyelamatkan kita di dunia dan juga di akhirat. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Firman Allah SWT dalam surah at-Fajr (الفجر), ayat 24 :

يَقُولُ يَلَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي ﴿٢٤﴾

Yang bermaksud : *la akan berkata: "Alangkah baiknya kalau aku dahulu sediakan amal-amal baik untuk hidupku (di sini)!"(24)»*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تک س خطہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا

وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ أَكُوغْ
 وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ
 الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.
 اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com